

23 OCT 1999

Guru-Soalan

PEJABAT PM EDAR KERTAS SOALAN BERUNSUR POLITIK KEPADA MEDIA

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Pejabat Perdana Menteri hari ini mengedarkan kepada media salinan kertas ujian bulanan matematik SMK Jabi, Pokok Sena, Kedah yang dikatakan mengandungi beberapa soalan menyelitkan unsur-unsur kebencian kepada kerajaan dan pemimpin.

Pengedaran itu bagi memenuhi janji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa beliau akan mengedarkan salinan soalan berkenaan kepada media.

Perdana Menteri pada sidang media di akhir lawatan dua harinya ke Kedah, mendedahkan terdapat guru di negeri itu yang sengaja menyediakan soalan peperiksaan berunsur politik dengan memburuk-burukkan pemimpin kerajaan dan beliau mempunyai bukti set soalan matematik yang dirangka oleh guru itu untuk pelajarannya.

Dr Mahathir kesal dengan perbuatan guru terbabit dan meminta guru-guru, sebagai kakitangan kerajaan, supaya menghentikan perbuatan seumpama itu kerana mereka terikat dengan peraturan yang melarang daripada mencampur-adukkan politik dengan tugas.

Dalam kertas soalan yang diedarkan itu, daripada 24 soalan yang perlu dijawab dalam Bahagian A, empat soalan menyentuh nama-nama seperti "Daem", "Mirzan", "Zani", "Det", "Umihalf", "Rafida", "Patail", "Eric", "Chia" dan "Tingpeking".

Empat soalan itu ialah Soalan 13: Sejumlah wang dibahagi antara Daem, Mirzan dan Zani mengikut nisbah 2:3:7. Jika Mirzan menerima RM14 juta lebih daripada Daem, hitungkan a) jumlah wang itu dan b) bahagian yang diterima oleh Zani.

Soalan 19: Purata berat Det, Daem, Umihalf, Patail dan Rafida ialah 35kg. Berat Det, Daem dan Umihalf ialah masing-masing 30kg, 27kg dan 34kg. Berat Patail sama dengan berat Rafida. Berapa berat Patail?

Soalan 20: "Eric, Chia dan Tingpeking berkongsi untung hasil rampokan di kilang Perwaja sebanyak RM90,000 mengikut nisbah 7:5:3.

a) Hitung jumlah yang didapati oleh Eric.

b) Kira beza wang yang diterima di antara Chia dan Tingpeking."

Soalan 24: Jadual di bawah menunjukkan jarak dalam km, dari rumah ke Mahligai bagi sekumpulan 120 orang khadam...(jadual diberikan) ...dua daripada soalnya: b) Hitungkan jumlah khadam yang jarak dari rumah ke Mahligai lebih daripada 4.5km.

c) ...hitungkan sudut sektor yang mewakili bilangan khadam yang jarak dari rumahnya ke Mahligai adalah antara 9-10km.

Sebagaimana yang diketahui, pihak pembangkang dalam ucapan dan kempen-kempen mereka menggelar kediaman rasmi Perdana Menteri di Putrajaya sebagai mahligai.

-- BERNAMA

NZ SBJ RON